

ALOR SETAR, 12 OKTOBER (BERNAMA) -- MENTERI PELAJARAN, DR. MAHATHIR MOHAMED HARI INI MENYERU IBUBAPA BEKERJASAMA DENGAN GURU-GURU BAGI MENENTUKAN ANAK-ANAK BENAR-BENAR BERADA DI SEKOLAH PADA WAKTU-WAKTU YANG DITETAPKAN UNTUK MENGELAKKAN PONTENG SEKOLAH.

GURU-GURU HENDAKLAH MENGAMBIL TAHU MENGAPA PELAJAR-PELAJAR DI KELAS MEREKA TIDAK HADHIR, KATANYA KETIKA MERESMIKAN SEKOLAH BARU SEKOLAH KEBANGSAAN SRI MAHAQANGSA, KUALA SALA, KOTA SARANG SEMUT, DEKAT SINI.

KATANYA JIKA TIDAK MENDAPAT KETERANGAN DARI KAWAN-KAWAN PELAJAR BERKENAAN, PERKARA INI ELOXKAN DIRUJUKKAN KEPADA IBUBAPA MEREKA.

DENGAN INI IBUBAPA MERASA BERTANGGUNGJAWAB UNTUK MENYELESAIKAN MASAALAH TERSEBUT KERANA GURU-GURU SENDIRI MENGAMBIL BERAT.

PELAJAR-PELAJAR SENDIRI AKAN MENYEDARI KESALAHAN MEREKA APABILA MENDAPATI IBUBAPA DAN GURU-GURU MENGAMBIL BERAT TENTANG DIRI MEREKA.

+DENGAN CARA INI KITA MENGELAKKAN TINDAKAN SECARA KEKASARAN SEPERTI DIPUKUL DAN DIROTAN TERHADAP KESALAHAN MEREKA,+ KATANYA.

BELIAU BERKATA TINDAKAN INI MESTI DILAKUKAN DI PERINGKAT SEKOLAH RENDAH LAGI KERANA SEKOLAH RENDAH ADALAH ASAS BAGI MEREKA UNTUK MENGHADAPI PELAJARAN DI SEKOLAH MENENGAH. -- BERSAMBUNG 1600/A1

537s

MAHATHIR 2 ALOR SETAR

PAGI TADI, DR. MAHATHIR TELAH MERESMIKAN BANGUNAN TAMBAHAN SEKOLAH KEBANGSAAN BATU HAMPAR, MERBOK, BERTAMBAH \$150,000.

BELIAU BERKATA IBUBAPA DAN GURU-GURU HARUSLAH BERGANDING BAHU UNTUK MEMBERI DORONGAN KEPADA KANAK-KANAK UNTUK BELAJAR BERSUNGGUH-SUNGGUH.

SELAIN DARI MENGAJAR MENGIKUT JADUAL WAKTU, GURU-GURU HARUS

MENCUBA MEMBERI PELAJARAN TAMBAHAN ATAU MEMBERI KERJA TAMBAHAN UNTUK DISIAPKAN DI RUMAH. (172)

IBUBAPA PULA HENDAKLAH MENGAMBIL BERAT MENENTUKAN AGAR KERJA TAMBAHAN ITU DISELESAIKAN DI RUMAH.

DENGAN CARA INI KANAK-KANAK MERASAI BAHAWA PERKEMBANGAN PELAJARAN MEREKA BUKAN SAJA DITELITI OLEH GURU-GURU TETAPI JUGA IBUBAPA.

KERJASAMA SEPERTI INI AKAN MENGHINDARKAN MURID-MURID DARI MELAKUKAN PERKARA YANG BOLEH MEMBAWA BENCANA SEPERTI MANDI SUNGAI, MEMANJAT POKOK ATAU MERAYAU-RAYAU DI TEPI JALANRAYA. -- BERNAMA 1604/A1